



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/2/2012



Suara Blog

## Pulang paku buah keras, Pas patut desak PKR

JIKA sebelum ini Pas didesak agar memecat Datuk Dr. Hasan Ali gara-gara membidas Datuk Sen Anwar Ibrahim, kini sepatutnya giliran Pas pula yang membuat desakan agar PKR memecat Elizabeth Wong gara-gara penyebaran foto separuh bogel dan tertangkapnya teman lelaki ADUN Bukit Lantan itu di Indonesia.

Itulah yang diharapkan oleh blog Gerakan Anti-PKR ([gerakan-anti-pkr.blogspot.com](http://gerakan-anti-pkr.blogspot.com)) memandangkan Hasan dipecat bukan kerana masalah moral apatah lagi kes jenayah, pecah amanah ataupun rasuah tetapi hanya mencalar imej pakatan pembangkang kerana membidas Ketua Umum PKR.

"Hari ini skandal Elizabeth dan lelaki Melayu muncul kembali. Masalah Elizabeth adalah masalah moral, dia sewajarnya dipecat kerana telah mencalar imej pakatan. Seluruh rakyat menunggu tindakan berani Pas.

"Kalau dulu Pas patuh pada arahan Azmin Ali agar memecat Hasan, kini tiba gi-

liran Pas mendesak PKR pecat Elizabeth Wong kerana telah mencalar imej pakatan," katanya.

Nada serupa disuarakan oleh blog Medan Info Kita ([medan-info-kita.blogspot.com](http://medan-info-kita.blogspot.com)) yang berkata, sudah tiba giliran Pas untuk memulangkan paku buah keras kepada PKR yang sebelum ini "campur tangan" dalam Pas sehingga Hasan dipecat.

"Inilah masa dan waktunya yang paling sesuai untuk Pas mendesak PKR pecat Elizabeth Wong seterusnya menggugurkan jawatan Exco. Kerajaan Selangor tidak boleh mengamalkan double standard memecat Hasan dan hanya menutup sebelah mata dalam isu moral Elizabeth.

"Hasan yang mahu melaksanakan amal makruf nahi mungkar dipecat, Elizabeth terkanggang dengan masalah moral masih mahu disanjung-sanjung?" katanya.

Blog Papa Gomo ([www.papagomo.com](http://www.papagomo.com)) pula mahukan pendirian Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berhubung isu

moral Elizabeth memandangkan beliau sebelum ini begitu lantang mendesak Datuk Sen Shahrizat Abdul Jalil meletakkan jawatan ekoran isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC).

"Bagaimana dengan Elizabeth Wong, Exco kerajaan negeri yang telah didapati memang melakukan seks bebas bersama seorang lelaki Melayu? Bagaimana dengan gambar bogel yang tersebar? Apakah Zuraida tidak mendesak agar Elizabeth juga letak jawatan?" katanya.

Blog ini berkata, jika isu Shahrizat melibatkan kepentingan rakyat, bagaimana pula dengan Elizabeth yang dilaporkan menyalurkan dana untuk teman lelakinya itu melarikan diri ke Indonesia selama ini.

"Isu Elizabeth merupakan satu isu besar yang mana satu keruntuhan moral yang teruk telah dilakukan seorang Exco Kerajaan Selangor apabila gambar bogelnya telah tersebar dan beliau sendiri mengakui mempunyai seorang kekasih Melayu Islam se-

dangkan beliau bukan beragama Islam.

"Zuraida sewajarnya mendesak Elizabeth Wong meletakkan jawatannya dengan segera kerana beliau telah memalukan PKR, kerajaan Selangor dan juga Malaysia," katanya.

Sementara itu, blog Cucu Tok Selampit ([khairulryezal.blogspot.com](http://khairulryezal.blogspot.com)) agak lucu apabila Menteri Besar Selangor terpaksa menangguhkan mesyuarat bagi membincangkan isu penahanan teman lelaki Elizabeth itu gara-gara ketidakhadiran Anwar.

"Sejak bila pula portfolio Anwar bertukar dari Penasihat Ekonomi Selangor bernilai RMI kepada penasihat kes cinta terlarang Exco Selangor dan teman lelakinya?

"Apakah ia memberikan petunjuk bahawa PKR terlibat dalam konspirasi menyembunyikan saksi kes jenayah penyebaran gambar-gambar separuh bogel Elizabeth? Apakah kerajaan Selangor juga terlibat menyembunyikan Hilmi dengan pengenalan palsu dan tinggal di Indonesia melebihi tem-

poh yang dibenarkan?" katanya.

Dalam pada itu Hambali Abd. Latiff ([hambalil.blogspot.com](http://hambalil.blogspot.com)) membidas kenyataan DAP Sarawak yang menganggap bahasa Malaysia tidak mempunyai nilai ekonomi global.

"Saya nak tanya pakar bahasa Malaysia yang memperjuangkan bahasa berkenaan habis-habisan. Benarkah bahasa Malaysia tidak ada nilai ekonomi global? Kalau tidak ada nilai ekonomi, buat apa nak ditukarkan sekolah ke aliran Bahasa Malaysia?" katanya.

Beliau juga mahu mendapatkan pandangan tokoh dan pakar bahasa Malaysia tentang kenyataan Setiausaha Agung DAP negeri itu yang menyeru agar kerajaan Persekutuan lebih praktikal dan berpijak di bumi nyata mengenai isu penggunaan Bahasa Malaysia.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)